

PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR DI JABATAN PERDAGANGAN

Hanim Binti Paimin¹, Nurol Aleyzan Binti Ghazali²

¹Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau Melaka, Melaka, 77300, Malaysia; hanim@pmm.edu.my

²Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau Melaka, Melaka, 77300, Malaysia; nurolaleyzan@pmm.edu.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pelaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL), strategi atau kaedah yang digunakan serta kekangan yang wujud semasa pelaksanaan SCL dalam kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau Melaka. Populasi kajian adalah seramai 47 orang pensyarah dari 3 kursus dan sampel dalam kajian ini merupakan keseluruhan populasi. Walaubagaimanapun hanya 36 set soalselidik dapat dianalisis kerana 9 set tidak dikembalikan. Pengumpulan data dibuat dengan mengedarkan borang soal selidik yang mengandungi 2 bahagian utama iaitu demografi dan 32 item soalan. Dapatkan nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach 0.948. Rekabentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif secara tinjauan. Data kuantitatif yang diperolehi dianalisis dan diterjemahkan dalam bentuk peratusan dan min dengan menggunakan perisian ‘Statistical Package for Social Science (SPSS) For Window Version 20.0. Hasil kajian menunjukkan majoriti pensyarah telah melaksanakan SCL hanya beberapa kali semasa P&P. Dapatkan kajian menunjukkan kekangan utama pensyarah terhadap pelaksanaan SCL ialah pelajar terlalu bergantung kepada arahan pensyarah dan desakan untuk menghabiskan sukan kurikulum. Secara keseluruhan kekangan pelaksanaan SCL adalah pada tahap sederhana dengan nilai skor min keseluruhan ialah 2.86. Sementara itu kaedah utama SCL yang diimplementasikan dalam kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan ialah peta minda, snowballing, cross overs dan tutorial group. Manakala kaedah yang paling jarang diimplementasikan ialah 3 minutes paper, role play dan kritikan terbuka. Oleh yang demikian cadangan penambahbaikan ialah penghasilan modul Lecturer SCL Tool Kits Polytechnic Series dan pelaksanaan SCL diambilkira dalam penilaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT).

Katakunci: Pembelajaran Berpusatkan Pelajar, kaedah, kekangan

1.0 Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Mengajar adalah menyampaikan ilmu pengetahuan, mendidik, melatih dan memberikan petunjuk-petunjuk kepada anak-anak didik (Kamus Dewan, Edisi Keempat). Selain itu, mengajar adalah memberi rangsangan, pengarahan dan dorongan kepada siswa agar terjadi proses belajar (Stifan, 2012). Namun pada kenyataannya, pengertian mengajar lebih dari itu. Mengajar tidak hanya menyampaikan ilmu pengetahuan, tetapi juga mencipta kegiatan belajar yang akan membawa perubahan dalam diri pelajar. Pengajaran boleh dilaksanakan dengan pelbagai cara. Antara kaedahnya ialah dengan memberi pererangan, bercerita, menunjuk ajar, mengadakan perbincangan, memberi bimbingan, soal jawab atau gabungan cara-cara tersebut semasa proses pembelajaran pelajar.

Secara umum terdapat dua jenis kaedah pengajaran yang boleh diperaktikkan di dalam bilik darjah atau bilik kuliah. Dua kaedah tersebut adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) berpusatkan guru dan kaedah P&P berpusatkan pelajar. Kaedah pengajaran berpusatkan guru

(TCL) boleh juga disebut sebagai strategi pengajaran langsung atau disebut dalam Bahasa Inggeris sebagai *Direct Instruction*. Berdasarkan kaedah ini, guru memainkan peranan aktif dalam proses P&P manakala pelajar pula berperanan untuk menerima pengajaran secara pasif, guru sahaja bercakap atau boleh juga disebut sebagai komunikasi satu hala (Hashim, 2003). Strategi ini adalah strategi tradisional yang meletakkan guru sebagai pakar dalam mata pelajaran dan sumber utama ilmu pengetahuan. Maka, tujuan utama pelajar hadir ke kelas adalah bagi mendapatkan maklumat yang telah ditetapkan oleh guru kepada mereka. Pelajar hanya perlu mengulangi, menghafal serta mencurahkan kembali apa yang telah diajarkan kepada mereka.

Kaedah pengajaran berpusatkan pelajar (*Student Centered Learning - SCL*) pula adalah kaedah pembelajaran merujuk kepada ciri istimewa kepunyaan seseorang murid untuk memperlihat, berinteraksi, dan bergerak balas dalam suatu suasana pembelajaran. Seseorang murid dikatakan bertanggungjawab terhadap pembelajarannya sendiri, tetapi guru juga memainkan peranan yang penting sebagai penggalak dan pemudahcara melalui pelbagai strategi pengajaran yang digunakan Giam Kah How (2000)

dalam (Zr,2002) Dengan erti kata lain, dalam SCL, pelajar akan bertanggungjawab ke atas pembelajarannya dan melibatkan komunikasi dua hala antara guru dan pelajar. Guru hanya bertindak hanya sebagai fasilitator atau memantau manakala pelajar yang mencari dan menentukan sumber dan bahan pengajaran mereka sendiri.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, berdikari, kritis, berinovasi dan berdaya saing, Politeknik Malaysia amat menggalakkan kakitangan akademiknya melaksanakan kaedah SCL. Malah, di dalam rubrik pemantauan pengajaran dan pembelajaran pensyarah yang dilaksanakan sekali setahun, di dalam Domain 2 – Instruksional, terdapat penilaian terhadap pelaksanaan SCL dengan pecahan markah 15%. Ia adalah selaras dengan keperluan Hala Tuju Transformasi Politeknik untuk melaksanakan kurikulum berasaskan hasil atau lebih dikenali dengan *Outcome Based Education* (OBE). Berdasarkan kepada kenyataan di atas, boleh dirumuskan bahawa kaedah P&P memainkan peranan penting dalam P&P bagi sesuatu kursus terutamanya pengajaran berpusatkan pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Rubrik pemantauan pengajaran dan pembelajaran pensyarah Politeknik Malaysia terhadap pelaksanaan SCL dinilai melalui penglibatan pelajar secara aktif semasa P&P, interaksi dua hala, kesesuaian bahan P&P ke arah pencapaian *Learning Outcome* (*LO*) serta pelaksanaan aktiviti yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran berfikir.

Hasil temubual ringkas bersama Ketua Program Diploma Akauntansi, Diploma Pemasaran dan Diploma Pengajian Perniagaan, secara purata markah bagi penilaian pelaksanaan SCL bagi pensyarah Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau adalah pada tahap yang baik namun perlu ada unsur nilai tambah untuk mencapai nilai purata 13 dan ke atas. Nilai purata markah pelaksanaan SCL dalam kalangan pensyarah bagi setiap program untuk sesi Jun 2016, adalah seperti berikut:

Program	Bilangan pensyarah	Purata markah
Diploma Akauntansi	19	11/15
Diploma Pemasaran	9	10/15
Diploma Pengajian Perniagaan	17	11.5/15

Oleh yang demikian, pernyataan ini telah mendorong pengkaji untuk mengkaji tahap pelaksanaan SCL dalam kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan, kaedah SCL yang sering digunakan serta kekangan yang dihadapi oleh pensyarah semasa menggunakan SCL.

1.4 Objektif Dan Persoalan Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL) da-

lam kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan, kaedah SCL yang digunakan serta kekangan yang dihadapi yang akan dijawab melalui persoalan kajian iaitu:

- (i) Apakah tahap pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan?
- (ii) Apakah kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar yang digunakan dalam kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan?
- (iii) Apakah kekangan pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan?

1.5 Kepentingan Kajian

Diharapkan kajian ini dapat membantu:\

- (i) pensyarah mengenalpasti pendekatan pengajaran SCL yang sesuai digunakan semasa pelaksanaan P&P.
- (ii) jabatan mengenalpasti masalah yang dihadapi kakitangan akademik apabila menggunakan pendekatan SCL.
- (iii) institusi memberi pendedahan kepada kakitangan akademik terhadap pendekatan SCL sebelum mereka melaksanakannya semasa pengajaran di dalam kelas.
- (iv) pihak kementerian untuk merancang aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran dalam bidang pedagogi.

2.0 Sorotan Kajian

Pendidik boleh membantu pelajar belajar bagaimana untuk belajar, memupuk kesediaan mereka untuk menyelesaikan masalah dan membina keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas dan ketekunan (Mykra, 2015). Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran perlu berubah mengikut keperluan semasa. Pembelajaran berpusatkan pelajar (*Student Centered Learning* -SCL) telah diberikan penekanan bagi menggantikan pembelajaran konvensional yang berpusatkan pensyarah dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang lebih kompetatif, berketerampilan dan terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. SCL boleh didefinisikan sebagai disiplin yang melibatkan interaksi antara pasukan pelajar yang mengalami pembelajaran kreatif yang akan diaplikasikan dalam situasi sebenar (Thornburg, 1995) dalam (Ibrahim, 1998). Dalam SCL, guru bukanlah tarian utama. Alley (1996) juga dalam (Ibrahim, 1998) menyatakan bahawa pendekatan SCL menjadikan pelajar diistilah sebagai ‘pasangan’ dengan guru. Csete dan Gentry (1995) dalam (Ibrahim, 1998) juga menggunakan istilah SCL sebagai pengajaran yang dikawal oleh pelajar. Selain itu, SCL juga adalah pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran yang lebih memberi penekanan kepada keperluan pelajar dan pelajar itu sendiri berbanding input dari pengajar (Hawati Janori, 2013).

Menurut Hamdan (2004) dalam Muhamad (2007), antara kaedah yang digunakan dalam SCL ialah pembela-

jaran koperatif, projek pelajar, kerja khusus, sesi penyiasatan di makmal, persembahan pelajar, kajian kes dan pembelajaran melalui penyelesaian masalah

Menurut Ibrahim (2004) menunjukkan bahawa kaedah SCL secara perbincangan dan perbincangan kumpulan memberi nilai skor yang tinggi sama ada dari pihak tenaga pengajar atau pelajar. Dapatkan ini selari dengan hasil kajian beliau yang dilaksanakan di U-Tec iaitu perbincangan, perbincangan kumpulan, simulasi dan demonstrasi menjadi pilihan pensyarah dengan nilai skor mencapai 4.00 berdasarkan 5 skala Likert yang dinyatakan. Ini menunjukkan keperluan kepada pelaksanaan SCL boleh memberi nilai positif kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Satu kaedah yang sesuai dilaksanakan di Politeknik Malaysia.

Sementara itu menurut Muhamad (2007) mendapati bahawa 100 peratus pensyarah telah melaksanakan SCL dalam kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia & Kenegaraan Malaysia. Namun begitu pensyarah tersebut masih memerlukan lebih pendedahan bagi meningkatkan lagi keberkesanannya pelaksanaan SCL. Kebanyakan pensyarah di UPM menggunakan tugasan berkumpulan dan perbincangan umum serta berkumpulan dalam pelaksanaan SCL. Selain itu, penilaian juga lebih terarah kepada penilaian pembentangan dan sangat berkesan untuk mencapai objektif kursus. Keadaan ini menunjukkan pelaksanaan SCL memerlukan satu input yang berterusan dari pihak yang mahir dalam memastikan keberkesanannya pelaksanaannya. Ini menunjukkan masih terdapat pelbagai kaedah SCL lain yang belum dikuasai oleh pensyarah.

Kajian yang dilaksanakan oleh Norhayati (2013) menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelaksanaan SCL dalam kalangan pensyarah Politeknik Malaysia adalah pada tahap yang baik dengan pencapaian sebanyak 80%. Ini berikutan terdapat elemen pelaksanaan SCL dalam instruksional penilaian pengajaran yang mesti direalisasikan semasa penilaian dilakukan. Secara tidak langsung SCL dilaksanakan bagi memenuhi *Outcome Based Education* Dalam Proses Pembelajaran dan Pengajaran. Masih terdapat lompong 20% yang perlu faktor yang perlu dikenalpasti SCL tidak dilaksanakan secara sepenuhnya untuk memastikan objektif sebenar OBE mencapai matlamatnya seperti yang ditetapkan oleh JPP.

Selain itu dapatkan Wan Azizun (2013) dalam kajiannya yang bertajuk *An Exploratory Study on the Implementation of POPBL among Lecturers of Higher Education Institutions in Malaysia* menunjukkan bahawa ramai pensyarah masih kurang mahir ciri-ciri SCL dari jenis *Problem Based Learning* (PBL). Hanya 71 orang pensyarah sahaja yang melaksanakan PBL daripada 122 orang responden kerana terdapatkekangan dari pihak pelajar iaitu pelajar terlalu bergantung kepada pensyarah, pelajar kurang bermotivasi dan pelajar kurang proaktif.

Antara faktor penghalang adalah pensyarah sendiri

tidak yakin PBL sesuai dilaksanakan bagi kursus mereka dan tiada penekanan pelaksanaan PBL di institusi mereka. Kajian ini juga mendapat bahawa untuk melaksanakan SCL dengan baik pensyarah perlu mempunyai motivasi dan latihan yang baik dan sempurna. Oleh yang secara keseluruhannya masih terdapat elemen yang memerlukan perhatian dan penambahbaikan untuk memastikan pelaksanaan SCL secara 100 peratus dan berkesan.

Pelaksanaan SCL secara terancang dan tersusun adalah penting kerana mampu memberi pelbagai manfaat kepada pelajar dan pensyarah. Ini berdasarkan dapatan Angele Attard (2010) kebaikan SCL kepada pelajar antaranya ialah dapat meningkatkan penyertaan dan penglibatan pelajar dalam proses P&P secara lebih aktif, memotivasi pelajar dan menambahkan minat pelajar terhadap kursus atau subjek tertentu. Ia juga menjadikan pelajar lebih berdikari dan bertanggungjawab terhadap prestasi akademik melalui penerokaan ilmu kerana SCL lebih fleksibel dengan kemampuan dan kepintaran pelajar, menjadikan pelajar lebih dirai dan dihargai bakat serta potensi diri mereka. Maka pelaksanaan SCL secara berkesan dan menepati ciri SCL sebenar adalah penting untuk mencapai objektif yang disasarkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik untuk menghasilkan graduan yang lebih berketrampilan dan meningkatkan kebolehpasaran pelajar Politeknik Malaysia.

Begitu juga kajian oleh Mohamed (2012) bertajuk *Penglibatan Pelajar Dalam Pembelajaran Koperatif Di Sekolah Menengah Vokasional*, jelas menunjukkan bahawa PBL adalah salah satu kaedah SCL yang penting dilaksanakan di peringkat sekolah dan sesuai dengan keperluan semasa dalam menghasilkan graduan berkualiti. Maka kesinambungan ini perlu diteruskan oleh politeknik dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Ini bagi memperkuuhkan nilai tambah pelajar. Dapatkan Moham-aed (2012) membuktikan SCL penting dilaksanakan kerana SCL menggalakkan lebih interaksi di kalangan pelajar seterusnya menggalakkan pencapaian matlamat pembelajaran dengan jayanya daripada belajar sendiri.

Kenna (2014) dalam artikelnya bertajuk *Researchers Find Student-Centered Learning Approaches Help Underserved Kids Achieve*, mendapati bahawa pelaksanaan SCL yang berkesan berpunca dari persekitaran yang menekankan hubungan sokongan antara pelajar dan guru-guru dalam persekitaran akademik yang mencabar, relevan, kerjasama dan yang berkaitan dengan situasi kehidupan sebenar. Sementara itu, kumpulan pendidik pula disokong dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berpusatkan pelajar melalui peluang untuk maklumbalas, kerjasama dan kepimpinan. Hasilnya, pelajar mampu membangunkan kemahiran untuk berjaya dalam kolej, kerjaya, dan kehidupan hasil pelaksanaan SCL yang berkesan. Maka SCL penting diimplementasikan oleh pensyarah politeknik untuk menghasilkan graduan berkualiti melalui kaedah dan kepelbagai teknik SCL.

SCL juga dikatakan mampu mengurangkan masa kuliah penggunaan kajian kes, perbincangan kelas, perbincangan kumpulan, projek kumpulan, dan persempahan. Kaedah ini dapat meningkatkan kemahiran pelajar berkerja secara berkumpulan dan mengaplikasikan pengetahuan dalam masalah sebenar yang berlaku '*real world problem*' (Hawati, 2013). Ini diperkuuhkan dalam dapatan beliau menunjukkan SCL yang berkesan akan dapat meningkatkan kemahiran generik pelajar serta mengurangkankekangan dan beban pensyarah.

Dalam pada wujudnya kelebihan pelaksanaan SCL terdapat banyak kekeliruan kekangan dalam pelaksanaan SCL turut dijelaskan dalam *Student-Centered Learning: Toolkit for Students, Staff and Higher Education Institutions* oleh Angele Attard (2010). Antaranya, SCL memerlukan alat bantu mengajar yang banyak, tidak sesuai dilaksanakan dalam kelas yang besar, pensyarah perlu membuat persediaan yang banyak serta pelajar perlu banyak melakukan aktiviti. Namun, pada hakikatnya sebenarnya SCL adalah kaedah yang mudah disesuaikan mengikut keadaan persekitaran.

Sementara itu, menurut O Sullivan (2007) dalam (Merwea, 2012) dalam kajiannya bertajuk *Implementation Of A Comprehensive Student-Centred Approach To Education: A Case Study*, menunjukkan bahawa ramai pensyarah menyatakan bahawa mereka telah melaksanakan SCL kepada pelajar namun hakikatnya proses P&P secara SCL tidak berlaku dengan betul. Ini menunjukkan pelaksanaan SCL masih belum secara menyeluruh dan terdapat ruang penambahbaikan yang perlu ditangani.

Manakala dalam kajian oleh Nik Azida (2012) bertajuk *Implementation of Student-Centered Learning among Malaysian Polytechnic Lectureres*, mendapati bahawa kegagalan pelaksanaan SCL antaranya berpunya daripada beban kerja yang terlalu banyak hingga menyukarkan pensyarah melakukan perancangan rapi, kurang kemudahan yang bersesuaian dan ditambah dengan bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam sebuah kelas. Situasi ini menunjukkan secara umumnya terdapat kekangan yang dihadapi oleh pensyarah politeknik untuk melaksanakan SCL dengan lebih efektif.

Selain itu dapatan Noraini (2001) dalam Abdul Razak (2012) yang bertajuk Pendekatan Pengajaran Yang Digunakan Oleh Guru Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik mendapati bahawa kebanyakan guru lebih banyak menggunakan kaedah pengajaran konvesional kerana perlu menghabiskan sukanan pelajaran dan masalah kekangan masa. Ia berpuncu daripada keperluan guru untuk menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan yang merupakan satu bentuk penilaian pencapaian yang ditekankan dalam sistem pendidikan walaupun masih terdapat pelajar yang lemah. Ini bertentangan dengan konsep asas SCL yang diukur secara objektif, kertas kerja, projek, folio dan sebagainya dan bukan secara objektif dan jawapan yang betul (Maria Chong Abdullah, 2004). Keadaan ini akan

menyebabkan pelajar pasif dan tidak dapat memahami konsep matematik sebenar kerana perlu menghafal rumus yang diberikan oleh guru tanpa aktiviti penerokaan dan kurang merangsang para pelajar.

3.0 Metodologi Kajian

3.1 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian adalah kajian deskriptif. Pengumpulan data adalah secara kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai alat bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Terdapat dua bahagian iaitu bahagian A merujuk kepada demografi manakala Bahagian B mengandungi 3 bahagian soalan yang menjurus kepada objektif kajian iaitu 1 item untuk tahap pelaksanaan, 14 item soalan untuk kekangan dan 16 item soalan berkaitan kaedah SCL yang dilaksanakan. Borang soal selidik lebih berstruktur berbanding kaedah pemerhatian sahaja (Mukesh Kumar, 2013). Tujuan kajian tinjauan ini adalah untuk menghuraikan ciri-ciri sesebuah populasi bagi menjawab persoalan kajian yang wujud (Idris, 2010). Pengumpulan data adalah melalui data primer dan sekunder.

3.2 Populasi dan Sampel

Populasi kajian adalah terdiri daripada 47 orang pensyarah Jabatan Perdagangan sesi Disember 2016. Jumlah sampel yang dipilih adalah mengikut rujukan yang ditetapkan dalam persampelan (Krejcie, 1970) . Pemilihan sampel daripada populasi adalah penting kerana jika bilangan sampel yang dipilih tidak sesuai, ia akan menyebabkan dapatan yang diperolehi tidak boleh diterima kesahihannya. Sampel kajian ini terdiri daripada semua pensyarah Jabatan Perdagangan iaitu seramai 47 orang. Oleh itu, borang soal selidik diedarkan kepada semua pensyarah. Walabagaimanapun hanya 36 pensyarah JP yang telah memberi maklumbalas dan mengembalikan borang kaji selidik bertajuk Pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL) Dalam kalangan Pensyarah. Borang soal selidik yang dikembalikan diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Secience*) versi 20.0.

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap pelaksanaan SCL dalam kalangan pensyarah Perdagangan, kekangan atau halangan yang wujud serta tahap pengetahuan pensyarah terhadap jenis-jenis SCL yang dilaksanakan. Sehubungan itu, item-item yang dibangunkan dalam soal selidik adalah adaptasi daripada soalan atau item yang dibangunkan oleh Wan Azizun Wan Adnan (2013) dalam *An Exploratory Study On The Implementation of POPBL Among Lectures of Higher Education Institutions in Malaysia* dan dari kajian oleh Nik Azida (2012) yang bertajuk *Implementation of Student Centered Learning among Malaysian Polytechnic* yang telah

diuji kebolehpercayaan dan keesahannya.

3.3 Kesahan


Keesahan sesuatu kajian merujuk kepada sejauhmana kajian berkenaan dapat mengumpulkan maklumat berkaitan bidang yang ditetapkan. Dalam erti kata lain sesuatu kajian itu dikatakan sah, jika kajian tersebut boleh mengukur sesuatu yang sebenarnya hendak diukur atau sepatutnya diukur. Maka satu kajian rintis dilakukan ke atas 10 orang pensyarah jabatan akademik lain untuk menentukan nilai keesahan dan kesahihan soalan sebelum diedarkan kepada respondan. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi ialah 0.948. Ini menunjukkan item yang dibangunkan dan digunakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Pengkaji menggunakan pengiraan skor min, nilai kekerapan dan peratusan bagi menganalisis data yang dikumpul. Bagi penentuan tahap dan pengkelasan untuk penentuan tahap dan kekangan dalam pelaksanaan SCL, 4 skala likert telah dikelaskan kepada tiga skala pengkelasan tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah (Zainuddin, 2007) dalam (Abdull Sukor Shaari, 2008).

Manakala untuk item strategi SCL pula hanya menggunakan dua skala iaitu pernah dan tidak pernah melaksanakan SCI sepanjang tempoh perkhidmatan di Politeknik Malaysia.

4.0 Analisis Data

Analisis dapatan kajian meliputi latar belakang responden, tahap pelaksanaan SCL dalam kalangan pensyarah, strategi SCL yang digunakan serta kekangan yang dihadapi pensyarah semasa pelaksanaan SCL.

4.1 Analisis Demografi



Rajah 1: Pecahan Bilangan Responden Mengikut Jantina

Rajah 1, menunjukkan majoriti responden adalah terdiri daripada pensyarah wanita iaitu seramai 29 orang bersamaan 80.6 peratus berbanding pensyarah lelaki hanya 7 orang (19.4%). Manakala, Jadual 1 menunjukkan daripada jumlah responden tersebut, 14 pensyarah bersamaan 38.9% adalah dari program Diploma Akauntansi (DAT), 13 orang (36.1%) dari program Diploma Pengajian Peniagaan

(DPM) dan hanya 9 orang (25%) adalah dari program Diploma Pemasaran (DPR).

Jadual 2: Pecahan Responden Mengikut Program

Program	Kekerapan	Peratus	Peratus Terkumpul
DAT	14	38.9	38.9
DPM	13	36.1	75.0
DPR	9	25.0	100.0




Rajah 2: Pecahan Responden Mengikut Tempoh Berkhidmat


Berdasarkan Rajah 2, seramai 19 orang responden telah berkhidmat di Politeknik selama 11 – 15 tahun, manakala 13 responden telah berkhidmat antara 6-10 tahun dan kurang 3 tahun serta lebih 15 tahun tempoh berkhidmat masing-masing adalah seramai 2 orang pensyarah sahaja.

4.2 Analisis Tahap Pelaksanaan dan Strategi SCL

Bagi analisis tahap pelaksanaan SCL dalam kalangan pensyarah JP adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Seramai 22 orang pensyarah iaitu 61.1% menyatakan bahawa mereka telah melaksanakan SCL beberapa kali sepanjang proses P&P. Namun begitu, hanya 12 orang pensyarah (33.3%) telah melaksanakan SCL secara kerap, dan hanya seorang pensyarah yang masing-masingnya tidak pernah dan hanya sekali sahaja melaksanakan SCL dalam P&P.



Rajah 3: Kekerapan Pelaksanaan SCL



Rajah 4: Pecahan Teknik Atau Strategi SCL

Rajah 4 menunjukkan teknik atau strategi SCL yang kerap digunakan pensyarah JP semasa proses P&P. Hasil dapatan menunjukkan kaedah *mind maping* atau peta min-dia adalah kaedah SCL yang paling kerap digunakan iaitu seramai 31 responden, diikuti oleh kaedah *Snowballing*, *Cross Over* serta kaedah *Tutorial Group* iaitu masing-masing 30 responden yang menggunakaninya. Kaedah pembelajaran melalui *Fieldtrip* juga antara kaedah SCL yang kerap dilaksanakan pensyarah iaitu 29 responden selain daripada teknik atau kaedah *Problem Based Learning* seramai 27 responden yang menggunakaninya. Teknik *Jigsaw* serta *3 Minutes Paper* adalah kaedah pembelajaran SCL yang paling jarang dilaksanakan iaitu masing-masing 12 dan 17 responden sahaja.

4.3 Analisis Faktor Kekangan Pelaksanaan SCL

Manakala, analisis terhadap kekangan yang dihadapi pensyarah JP semasa pelaksanaan SCL adalah seperti dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Kekangan Pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar

No	Item soalan	KEKERAPAN PERATUSAN					Skor Min	Tafsiran
		STS	TS	S	SS			
1.	Tidak pasti kaedah SCL yang sesuai dilaksanakan bagi kursus yang diajar	3	15	17	1	2.8%	Se-der-hana	2.44
		8.3%	41.7%	47.2%				
2.	Tiada penekanan bagi pelaksanaan SCL oleh pihak pengurusan Jabatan	3	16	14	3	8.3%	Se-der-hana	2.47
		8.3%	44.4%	38.9%				
3.	Kurang pengetahuan tentang	1	17	14	4	11.1%	Se-der-hana	2.58
		2.8%	47.2%	38.9%				

	kaedah SCL							
4.	Kurang kemudahan disediakan untuk pelaksanaan aktiviti SCL	1	5	20	10	27.8 %	3.06	Tinggi
		2.8%	%	55.6%				
5.	Pelajar terlalu bergantung kepada arahan pensyarah	1	1	19	14	38.9 %	3.31	Tinggi
		2.8%	2.8%	52.8%				
6.	Pelajar kurang aktif di dalam kelas	1	8	22	5	13.9 %	2.86	Se-der-hana
		2.8%	%	61.1%				
7.	Desakan untuk menghabiskan sukanan kurikulum	0	6	20	10	27.8 %	3.11	Tinggi
		0%	%	55.5%				
8.	Tiada mentor untuk pelaksanaan SCL	1	4	24	7	19.4 %	3.03	Tinggi
		2.8%	%	66.7%				
9.	Pelajar kurang bermotivasi	0	8	25	3	8.3 %	2.86	Se-der-hana
		0%	%	69.4%				
10.	Kekurangan masa untuk melaksanakan SCL	0	9	22	5	13.9 %	2.89	Se-der-hana
		0%	%	61.1%				
11.	Beban kerja berlebihan menyukarkan perancangan SCL	0	8	21	7	19.4 %	2.97	Se-der-hana
		0%	%	58.3%				
12.	Pelajar kurang bersedia untuk aktiviti SCL	0	11	22	3	8.3 %	2.78	Se-der-hana
		0%	%	61.1%				
13.	Bilangan pelajar terlalu ramai untuk pelaksanaan SCL	0	12	19	5	13.9 %	2.81	Se-der-hana
		0%	%	52.8%				
14.	Penilaian berasaskan peperiksaan menyukarkan pelaksanaan SCL	2	9	15	10	27.8 %	2.92	Se-der-hana
		5.6%	%	41.7%				
	Peratusan skor min dan tafsiran keseluruhan	2.59	25.58 %	54.36%	17.26 %	2.86		Se-der-hana

Hasil dapatan menunjukkan bahawa purata

keseluruhan min bagi kekangan pensyarah dalam melaksanakan SCL adalah 2.86 iaitu pada tahap sederhana. Pelajar terlalu bergantung kepada arahan pensyarah serta desakan untuk menghabiskan sukanan kurikulum adalah antara halangan atau kekangan yang paling tinggi iaitu 3.31 dan 3.11. Selain itu, kekurangan kemudahan (nilai min 3.06) serta tiada mentor sebagai rujukan (nilai min 3.03) juga adalah halangan dalam melaksanakan SCL di kalangan pensyarah JP.

Item beban kerja pensyarah yang berlebihan (nilai min 2.97), penilaian berasaskan peperiksaan (nilai min 2.92) serta kekurangan masa (nilai min 2.89) adalah pada tahap sederhana namun begitu nilai tersebut adalah melebihi nilai min purata keseluruhan. Dapatkan ini menunjukkan bahawa item-item tersebut adalah berkecenderungan menjadi kekangan atau halangan kepada pensyarah untuk melaksanakan SCL semasa proses P&P. Bagi item tidak pasti kaedah SCL yang perlu digunakan, tiada penekanan dari pihak pengurusan, kurang pengetahuan tentang SCL adalah pada tahap sederhana iaitu masing-masing 2.44, 2.47 dan 2.58 kurang dari nilai keseluruhan min bagi objektif yang telah ditetapkan.

5.0 Rumusan dan Perbincangan.

5.1 Apakah tahap pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan?

Berdasarkan dapatkan dan analisis daripada data menunjukkan secara keseluruhannya majoriti pensyarah Jabatan Perdagangan, PMM telah melaksanakan SCL dalam proses P&P. Pelaksanaan SCL di JP, PMM bertujuan untuk mencapai mattalamat pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusatkan kepada pelajar berbanding pensyarah selaras dengan perubahan keperluan dan kehendak semasa dalam dunia pendidikan. Namun yang demikian, dapatkan data menunjukkan bahawa kekerapan pelaksanaan SCL yang paling tinggi adalah hanya pada kadar beberapa kali sahaja iaitu 61.1% atau 22 responden berbanding banyak kali dilaksanakan iaitu 33.3% atau 12 responden. Walaubagaimanapun terdapat juga pensyarah yang tidak pernah melaksanakan SCL dan juga hanya sekali melaksanakan SCL bersamaan 2.8 %. Majoriti pensyarah yang melaksanakan SCL telah berkhidmat lebih dari 6 hingga 15 tahun dalam sistem politeknik.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan SCL di Jabatan Perdagangan adalah pada tahap tinggi walaupun belum mencapai 100 peratus pengaplikasiannya. Ini kerana SCL adalah salah satu kriteria yang akan dinilai dan telah ditetapkan dalam rubrik penilaian pengajaran pensyarah Politeknik Malaysia iaitu dengan purata wajaran sebanyak 15 peratus. Oleh yang demikian, pensyarah perlu melaksanakan SCL dalam proses P&P sekurang-kurangnya semasa pemerhatian P&P oleh Ketua Program.

Dapatkan ini selari dengan hasil Norhayati (2013) iaitu 80% pensyarah telah melaksanakan SCL dalam

dalam proses P&P untuk mencapai *Outcome Based Education* (OBE) yang ditetapkan. OBE yang menggunakan konsep *Student Centered Learning (SCL)* amat bergantung kepada kaedah instruksional / P&P yang bersesuaian bagi mencapai *Learning Outcomes (LO)* yang telah ditetapkan. Hasil yang sama diperolehi dalam kajian Zarina Muhammad (2007) yang mendapati bahawa pelaksanaan SCL dalam Kursus Tammadun telah berjaya mencapai objektif kursus yang telah ditetapkan.

5.2 Apakah kekangan pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan?

Walaupun dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan SCL adalah tinggi, namun masih belum diaplikasikan sepenuhnya dalam pengajaran di Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau Melaka. Secara keseluruhannya, semua item yang dinyatakan menjadi kekangan terhadap pelaksanaan SCL di Jabatan Perdagangan. Namun begitu, halangan atau kekangan tersebut adalah pada tahap sederhana antaranya. Pelajar kurang bersedia untuk aktiviti SCL, kurang penekanan pelaksanaan SCL oleh pihak pengurusan Jabatan Perdagangan dan beban kerja berlebihan menyukarkan perancangan SCL.

Pelajar terlalu bergantung kepada arahan pensyarah adalah kekangan paling utama yang dihadapi oleh pensyarah Jabatan Perdagangan dalam melaksanakan SCL. Kebergantungan yang tinggi ini akan menyebabkan sesuatu aktiviti sukar dilaksanakan kerana SCL lebih melibatkan penyertaan pelajar berbanding pensyarah. Pensyarah seharusnya hanya berperanan sebagai fasilitator. Sikap kebergantungan pelajar ini mungkin berpunca daripada kurangnya ketersediaan pelajar dalam pencarian maklumat atau nota tambahan, dan perancangan serta persediaan pelajar membuat penilaian kerja kursus dengan baik. Dapatkan ini bertepatan dengan hasil kajian Wan Azizun (2013) yang menyatakan bahawa sebahagian pelajar terlalu bergantung kepada pensyarah. Ini disebabkan pelajar kurang selesa melaksanakan tugas dengan tahap pengawasan yang minimum daripada pensyarah selari dengan dapatkan (Fauziah Aziz, 2013) dan (Tabrani, 2011). Keadaan ini menyumbang kepada kurangnya pelaksanaan SCL secara 100 peratus di Jabatan perdagangan. Ini memerlukan satu anjakan paradigm dalam kalangan pelajar untuk menjayakan pelaksanaan SCL keseluruhannya.

Selain itu kekangan lain yang wujud dalam kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan, PMM adalah kurangnya kemudahan yang disediakan untuk melaksanakan SCL dengan berkesan. Kemudahan adalah elemen yang penting untuk melaksanakan SCL dengan berkesan. Kecukupan kemudahan akan mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada pelajar. Ini bertepatan dengan hasil pembentangan (R.S, 2016) bahawa strategi dan pra syarat kejayaan SCL adalah kemudahan yang kondusif iaitu

meliputi bilik kuliah yang selesa, persekitaran kondusif dan kemudahan SCL. Dapatan ini turut selari dengan hasil kajian Nik Azida (2012) yang mendapati bahawa kurangnya kemudahan antara kekangan pelaksanaan SCL secara menyeluruh dalam kalangan pensyarah.

Namun begitu dapatan kajian ini bertentangan dengan kenyataan Angele Attard (2010) dalam buku *Student-Centred Learning Toolkit for students, staff and higher education institutions*, The European Students' Union, Brussell yang mendakwa bahawa sumber alat bantu mengajar SCL boleh disuaipadankan dengan persekitaran.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa antara kekangan yang lain ialah ketiadaan mentor untuk pelaksanaan SCL dengan berkesan. Di Jabatan Perdagangan, PMM tidak mempunyai pegawai atau pakar rujuk SCL. Kebanyakan kemahiran dan pengetahuan SCL diperolehi oleh pensyarah Jabatan Perdagangan melalui kursus jangka pendek yang dihadiri seperti kursus CPCM. Pengetahuan dan kemahiran dapat membantu pensyarah merancang strategi SCL yang bersesuaian dan memotivasi kan pelajar dalam proses pembelajaran. Adalah menkadi keperluan setiap Politeknik Malaysia untuk mempunyai pakar rujuk utama bidang SCL ataupun bahan rujukan utama pelaksanaan SCL.

Kenyataan ini disokong oleh Angele Attard (2010) bahawa falsafah dan kaedah SCL adalah perkara utama yang perlu dimiliki oleh pensyarah untuk membantu mereka membangunkan aktiviti SCL. Oleh yang demikian adalah menjadi keperluan untuk menetapkan mentor atau pensyarah yang berpengalaman luas dalam SCL yang akan dapat mengukuhkan idea pelaksanaan SCL dalam kalangan pensyarah.

5.3 Apakah kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar yang digunakan dalam kalangan pensyarah Jabatan Perdagangan?

Dapatan kajian menunjukkan semua jenis kaedah SCL yang dinyatakan pernah digunakan oleh pensyarah Jabatan Perdagangan. Namun yang paling kerap dilaksanakan ialah peta minda atau *mind mapping* seramai 31 orang selain kaedah crossover seramai 30 orang. Peta minda adalah kaedah rangsangan untuk proses *recall* pelajaran yang lepas. Mykra (2015) menjelaskan kelebihan penggunaan peta minda ialah membolehkan pensyarah memperlihatkan pelajar melihat hubungan keseluruhan pelajaran dalam gambaran yang lebih besar.

Field Trip dan tutorial juga mempunyai kekerapan yang tinggi digunakan dalam aktiviti SCL di JP. Antara elemen yang mendorong kekerapan penggunaan kaedah ini adalah disebabkan kaedah ini diambilkira dalam markah keseluruhan penilaian kerja kursus sebagaimana yang terkandung dalam dokumen kurikulum politeknik. Antaranya bagi kursus DPB 2023 *Macroeconomics* dan DPM 3023 *New Product Development and Branding*. Lowman (1984) mendapati sesi tutorial baik secara indi-

vidu maupun dalam kumpulan kecil merupakan tulang belakang kepada pendidikan tinggi.

Selain itu *Buzz Group* dan *round table* juga mempunyai kekerapan penggunaan yang tinggi. Pengaplikasian kaedah ini adalah disebabkan ianya tidak memerlukan alat bantu mengajar (ABBM) tambahan, mudah dilaksanakan dan mengambil masa yang singkat. Maka, ia tidak akan memberi kesan kepada penyampaian keseluruhan isi kandungan kurikulum. Dapatan ini selari dengan kajian Muhammad (2007).

Kaedah SCL yang paling jarang digunakan ialah teknik *jigsaw* hanya 12 pensyarah menggunakan dan *3 minutes paper*. Ini kerana kedua-dua kaedah ini memerlukan ABBM tambahan dan mengambil masa yang agak lama untuk diimplementasikan terutamanya kaedah *jigsaw*.

5.4 Cadangan dan Perbincangan Lanjutan

Setelah menganalisis dapatan dan perbincangan, dapat dirumus dan dicadangkan beberapa panduan:

i. Mewujudkan satu item penilaian pelaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar di dalam sasaran kerja tahunan pensyarah. Penilaian ini dinyatakan di dalam perancangan proses pengajaran dan pembelajaran pada setiap semester.

Menyediakan satu buku panduan atau *Lecturer's Teaching Tools* yang menyenaraikan teknik-teknik atau panduan dalam melaksanakan SCL yang bersesuaian mengikut kursus.

Mengadakan ruang gunasama untuk meletakkan bahan-bahan SCL. Kaedah ini boleh menjimatkan masa penyediaan bahan SCL dalam kalangan pensyarah yang mengajar kursus yang sama serta berkongsi teknik pengajaran.

Kesimpulannya, pelaksanaan SCL di Jabatan Perdagangan adalah pada tahap tinggi dengan kekerapan pelaksanaannya sebanyak beberapa kali selaras dengan keperluan pendidikan semasa dalam usaha melestarikan Pendidikan Teknik Dan Vokasional untuk mencapai Wawasan 2020. Ia adalah untuk memenuhi keperluan tenaga kerja yang berpengetahuan (Minghat A.D, 2013) dan mempunyai kemahiran insaniah seperti yang diperlukan oleh pihak industri (Radin Umar R.S, (2016). Namun demikian masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk memperkasakan pelaksanaan SCL. Ini akan dapat dicapai dengan kerjasama pihak pengurusan pentadbiran, pensyarah dan juga pelajar itu sendiri. Oleh yang demikian, tenaga pengajar dalam bidang PTV juga perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang yang diajar. Perkara ini adalah penting supaya dapat memberikan keyakinan kepada mereka ketika menjalankan proses P&P (Ishak, 2002). Gabungan ini akan dapat melahirkan graduan holistic dan berkualiti untuk memenuhi pasaran kerja.

RUJUKAN

- Abdullah (1998). Vocational Education and Training in an Industrialising Economy. Unpublished PhD Thesis
- Abdullah (2004), *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Dan Kaitannya Dengan Pembangunan Diri Dan Peluang Pekerjaan*, Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan 2004, 8-9 September 2004
<http://umpir.ump.edu.my/>
- Abdull Sukor Shaari, Ab. Aziz Yusof, Mohd Khan Jamal Khan, Tang Swee Mei dan Lim Kong Teong (2008), *Keadilan Penilaian Prestasi Dalam Kalangan Guru Dan Hubungannya Dengan Motivasi Kerja Dan Prestasi Akademik Sekolah*, IJMS 15 (Bumper Issue), 159-176 (2008) (Online diakses pada 21.9.2016).
- Abdul Razak B. Idris & Nor Asmah Binti Salleh (2010), *Pendekatan Pengajaran Yang Digunakan Oleh Guru Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik*, (atas talian)
<http://eprints.utm.my/11474/1>
- Angele Attard, Emma Di Iorio, Koen Geven, Robert Santa (2010), *Student-Centred Learning Toolkit for students, staff and higher education institutions*, The European Students' Union, Brussels.
- Barbara McKenna (2014). *Researchers Find Student-Centered Learning Approaches Help Underserved Kids Achieve*, <https://ed.stanford.edu/news/researchers-find-student-centered-learning-approaches-help-underserved-kids-achieve> (atas talian)(28.12.2016)
- DB.C van der Merwea (2012). *Implementation Of A Comprehensive Student-Centred Approach To Education: A Case Study*, The European Journal of Social & Behavioural Sciences (eISSN: 2301-2218), A Central University of Technology, Free State 20 President Brand Street Bloemfontein S. A.
- Fauziah Aziz, Norhayati Ngagiman, Hidanah Mohd. Yunus (2013), *Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah Di Dalam Siri Ujikaji Makmal Konkrit Program Diploma Kejuruteraan Awam Politeknik*, 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013),
<http://educ.utm.my/>
- Hawati Janori, Ruzita Abdul Rahim, Aisyah Abdul Rahim, Noor Azryani Auzairy, Noor Azuan Hashimi & Muhamad Zain Yusof, (2013) , *Integrating Student-Centred Learning in Finance Courses: The Case of a Malaysian Research University*, , International Education Studies; Vol. 6, No. 6; 2013 ISSN 1913-9020 E-ISSN 1913-9039 Published by Canadian Center of Science and Education
- Krejcie, R. V., and Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample For Research Activities*. Educational and Psychological Measurement, 30, 607-610.
- Lowman, J. (1984). *Mastering the techniques of teaching*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers
- Ila zr. at (2012) *Definisi Pembelajaran Berpusatkan Murid* <http://ilazr.blogspot.my/2012/03-strategi-pembelajaran-berpusat.html>
- Ishak, I. Z. (2002). *Kualiti Pensyarah Politeknik Lepasan Sarjana Pendidikan Kolej Universiti Tun Hussein Onn*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Maria Chong Abdullah, Samsilah Roslan Tajularipin Sulaiman (2004), Strategi Pengajaran Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Anjakan Paradigma, Universiti Putra Malaysia, Selangor,
<http://www.medc.com.my/medc/journals/volume>
- Minghat, A. D., Yasin, R. M., Subari, K. & Noordin, M. K.(2013) , *Strategi Kelasterian Pembangunan Pendidikan Teknikal dan Vokasional*. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education. Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia , ms 493 – 504.
- Nik Azida Nik Abd Ghani , Tengku Ahmad Badrul Shah Raja Hussin, Muhammad Zubir bin Mohd Hanipah (2012), *Implementation of Student Centered Learning among Malaysian Polytechnic*. International Conference On Active Learning 2012, UTEM
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (m.s 116,202,211). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill
- Norhayati Zakaria, Mohd Zulfazli Raub Khan, Mohd Aswad Othman (2013) , *Tahap Implementasi Outcome Based Education Dalam Proses Pembelajaran dan Pengajaran di kalangan Pensyarah Politeknik*, 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013).
- Nor Hasliza Binti Mohamed (2012), *Penglibatan Pelajar Dalam Pembelajaran Koperatif Di Sekolah Menengah Vokasional*, <http://eprints.utm.edu.my/>
- Radin Umar R.S (2016) , *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk IPT* Malaysia
<http://upa.ipgkda.edu.my/>
- Rudy Stifan (2012) Pengertian Mengajar, <http://rudystifan>
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd. Zohir Ahmad (2003). *Pedagogi 1: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Tabrani, Muhammin and Ismail, Sarimah (2011) *Aplikasi Pengajaran Koperatif di Sekolah Rendah*. Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia., <http://merr.utm.my/7119/>

Tarja Mykra (2015), *Learner-Centered Teaching Methods – A Toolkit For Secondary Education Teachers*, Projek Akhir final Fulbright Distinguished Awards in Teaching Program , Indiana University Bloomington, USA

Thornburg, D. (1995, April). Student-centered learning. *Electronic Learning*, 14(7), 18-19.

Wan Azizun Wan Adnan, Roslina Sharif , Ruhizan Mohammad Yasin, et al (2013), *An Exploratory Study on the Implementation of POPBL among Lecturers of Higher Education Institutions in Malaysia*, The 4th International Research Symposium on Problem-Based Learning (IRSPBL) 2013, <http://tree.utm.my>

Zarina Muhamad (2007), *Pelaksanaan kaedah student-centered Learning (SCL) dalam pengajaran & pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia & Kenegaraan Malaysia di Universiti PutraMalaysia*, <http://journalarticle.ukm.my/1149/>

Kamus Dewan, Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka (2005)